

09/01/1997

PM minta Jepun imbangi dagangan

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Jepun membantu mengimbangkan perdagangan di antara kedua-dua negara, yang kini lebih menguntungkan negara maju di Asia itu.

Perdana Menteri berkata, Jepun adalah rakan dagang terbesar Malaysia hari ini yang membentuk 20 peratus daripada dagangannya, selain menjadi pasaran eksport ketiga terbesar negara ini.

"Walaupun imbangan perdagangan lebih menguntungkan Jepun, saya berharap dengan adanya proses liberalisasi yang sedang berjalan di Jepun, import barangan Malaysia ke Jepun akan meningkat, terutamanya barangan perkilangan.

"Syarikat di Jepun dan firma usaha sama di negara ini hendaklah juga digalakkan supaya menggunakan lebih banyak bahan tempatan untuk produk mereka di sini.

"Dengan ini, adalah diharapkan ia akan dapat membantu mengimbangkan perdagangan di antara kedua-dua negara," katanya berucap di majlis jamuan makan malam bagi meraikan Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, di Sri Perdana di sini, malam ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menteri Kabinet dan pemimpin pelbagai organisasi lain.

Perdagangan dua hala Malaysia-Jepun meningkat lebih dua kali ganda daripada RM31.6 bilion pada 1990 kepada RM76.5 bilion pada 1995.

Pelaburan Jepun di negara ini juga terus meningkat dan kini Jepun menjadi pelabur asing terbesar di Malaysia dengan pelaburan modal terkumpul RM25.3 bilion bagi tempoh 1980 hingga Oktober tahun lalu.

Perdana Menteri turut mengalu-alukan pelaburan Jepun dalam industri kecil dan sederhana yang mengeluarkan komponen canggih dan berintensifkan modal serta teknologi tinggi di negara ini terutama jika dilaksanakan secara usaha sama dengan syarikat tempatan.

Katanya, Malaysia yang melancarkan Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP-2) baru-baru ini, boleh mendapat manfaat daripada kemajuan ekonomi dan teknikal Jepun yang lebih tinggi.

Selain itu, beliau berharap, Jepun akan menyediakan lebih banyak tempat bagi pelajar dan pekerja Malaysia meraih pendidikan di universiti dan institusi latihan di negara itu selaras hasrat negara meneruskan Dasar Pandang Ke-Timur.

"Saya suka menyatakan di sini bahawa walaupun kami memandang ke Timur, kami hanya mempunyai kira-kira 2,000 pelajar pada satu-satu masa di Jepun.

"Kami mempunyai lebih daripada 60,000 pelajar di negara Barat dan negara-negara lain sepanjang masa," katanya.

Dr Mahathir juga berharap, kerjasama di antara sektor swasta Malaysia dan Jepun akan berterusan kerana dialog sesama mereka banyak membantu dalam mengemukakan perkara penting kepada kerajaan.

"Kami berharap mereka juga akan bekerjasama di antara satu sama lain di negara-negara ketiga," katanya.

(END)